15. **“Penyakit Membawa Maut”** bermaksud Ahli Yang Diinsuranskan mengalami keadaan yang pada pendapat Pakar Perubatan ianya dijangka mengakibatkan kematian dalam tempoh dua belas (12) bulan dan di mana Ahli Yang Diinsuranskan seharusnya tidak menerima rawatan yang aktif selain daripada untuk menghilangkan rasa sakit.

16. **“Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal”** bermaksud:

- (a) Umur lapan belas (18) tahun dan ke atas tetapi di bawah umur enam puluh satu (61) tahun
 - (i) Kehilangan upaya sepenuhnya untuk melibatkan diri dalam sebarang pekerjaan dan melakukan sebarang kerja untuk mendapatkan gaji atau keuntungan;
 - (ii) Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata secara penuh dan tidak boleh dipulihkan lagi;
 - (iii) Kehilangan dengan putusnya satu anggota badan pada atau atas pergelangan tangan dan kaki, atau dua anggota badan pada atau atas pergelangan tangan atau kaki secara penuh dan tidak boleh dipulihkan lagi; atau
 - (iv) Kehilangan penglihatan sebelah mata dan kehilangan dengan putusnya satu anggota badan pada atau atas pergelangan tangan atau kaki secara penuh dan tidak boleh dipulihkan lagi.

ATAU

- (b) Umur enam puluh satu (61) tahun dan ke atas tetapi di bawah umur tujuh puluh (70) tahun bagi Ahli Yang Diinsuranskan, ia bermaksud pengesahan oleh Pakar Perubatan mengenai kehilangan kehidupan bermandiri berkekalan untuk tempoh minimum enam (6) bulan dan menyebabkan ketidakupayaan tetap untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) dari Aktiviti Harian Kehidupan yang berikut sama ada dengan atau tanpa menggunakan peralatan mekanikal, peranti khas atau lain-lain bantuan dan penyesuaian yang digunakan untuk orang hilang upaya.

Aktiviti Kehidupan Harian adalah:

- (i) Pengalihan
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (ii) Pergerakan
Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
- (iii) Buang Air / Penggunaan Tandas
Keupayaan untuk mengawal fungsi buang air besar dan buang air kecil demi menjaga kebersihan diri.
- (iv) Berpakaian
Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- (v) Mandi / Membasuh diri
Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk masuk atau keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan mana-mana cara yang lain.
- (vi) Makan
Semua tugas memasukkan makanan ke dalam badan setelah ia disediakan.

Dalam semua kes di bawah (a) atau (b) yang dinyatakan di atas, hilang upaya tersebut mestilah kekal dan berlanjutan bagi tempoh minimum enam (6) bulan berturut-turut.

Untuk tujuan takrifan “Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal”, perkataan “kekal” bermaksud di luar harapan pemulihan dengan pengetahuan perubatan dan teknologi terkini.

17. **Cukai** bermaksud

- (a) cukai barang dan perkhidmatan;
- (b) nilai tambahan cukai;
- (c) cukai penggunaan; atau
- (d) sebarang cukai, duti, bayaran atau penguatkuasaan lain yang berkaitan dengan apa saja nama yang dipanggil; yang boleh dikenakan atau dicaj di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan, atau kaedah-kaedah serta panduan-panduan yang lain daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

18. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki termasuk jantina perempuan, yang mana konteks memerlukan.

19. Perkataan dalam format tunggal boleh ditafsirkan untuk termasuk format majmuk dan sebaliknya, yang mana konteks memerlukan.

BAHAGIAN II - KELAYAKAN AHLI DAN PENAMATAN

Seksyen A – Kelayakan

1. Ahli-ahli Yang Layak adalah orang yang mengambil pinjaman UOB dan mestilah berumur antara lapan belas (18) dan enam puluh enam (66) tahun pada hari jadi akan datang (termasuk kedua-dua umur tersebut) pada Tarikh Masuk.

Seksyen B – Penamatan

1. Insurans di sini untuk Ahli Yang Diinsuranskan akan tamat:
 - (a) pada Tarikh Tamat Tempoh;
 - (b) pada tarikh di mana Ahli Yang Diinsuranskan meninggal dunia;
 - (c) apabila Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai atau baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai, yang mana berkenaan, dikurangkan sepenuhnya akibat kelulusan tuntutan di bawah Sijil Insurans;
 - (d) apabila Sijil Insurans bagi Ahli Yang Diinsuranskan diserahkan;
 - (e) pada tarikh di mana Sijil Insurans bagi Ahli Yang Diinsuranskan atau Polisi ditamatkan berikutan dengan Bahagian V Seksyen N;

yang mana lebih awal.

BAHAGIAN III – PERUNTUKAN TENTANG MANFAAT

Seksyen A – Jumlah Diinsuranskan

Jumlah Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans bagi Ahli Yang Diinsuranskan adalah merupakan asas untuk menentukan Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai.

Seksyen B – Manfaat Kematian

1. Tat kala Kami menerima bukti yang cukup tentang kematian Ahli Yang Diinsuranskan, berserta dengan dokumen maklumat tuntutan yang berkaitan dan maklumat yang Kami minta untuk menilai tuntutan dan juga untuk menentukan punca dan keadaan kematian Ahli Yang Diinsuranskan, Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai atau baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai, yang mana berkenaan, dalam bulan di mana Ahli Yang Diinsuranskan meninggal dunia akan dibayar secara sekali gus oleh Syarikat, tertakluk kepada peruntukan dalam Polisi.
2. Baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai, jika ada, selepas membayar Manfaat Penyakit Membawa Maut dan/atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akan berkurangan secara bulanan seperti yang ditentukan oleh Syarikat. Baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai akan dibayar, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam seksyen ini, sekiranya Ahli Yang Diinsuranskan yang mengalami Penyakit Membawa Maut dan/atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal kemudiannya meninggal dunia semasa Sijil Insurans ini masih berkuatkuasa. Baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai bermaksud baki jumlah selepas menolak jumlah yang dibayar dan/atau yang akan dibayar untuk Penyakit Membawa Maut dan/atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal daripada Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai.

Seksyen C – Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

1. Jika Ahli Yang Diinsuranskan yang telah diterima untuk perlindungan Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (“TPD”) mengalami TPD sebelum ulang tahun Tarikh Masuk di mana Ahli Yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh (70) tahun pada hari jadi akan datang semasa diinsuranskan, dan hilang upaya tersebut berterusan untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan secara berturut-turut, Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai atau baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai atau Jumlah Diinsuranskan untuk Manfaat TPD yang dinyatakan dalam Sijil Insurans, yang mana amaun lebih rendah, dalam bulan di mana Ahli Yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akan dibayar oleh Syarikat, tertakluk kepada peruntukan dalam Polisi.

Di mana jumlah yang dibayar di bawah Manfaat TPD:

- (a) adalah kurang daripada atau bersamaan dengan RM1,000,000, Kami akan membayar secara sekali gus; atau
- (b) lebih daripada RM1,000,000, Kami akan membayar:

- (i) bayaran sekali gus sebanyak RM1,000,000; dan
 - (ii) asalkan Kami mempunyai bukti mengenai keadaan TPD Ahli Yang Diinsuranskan yang berterusan, Kami akan membayar baki Manfaat TPD pada ulang tahun pertama TPD Ahli Yang Diinsuranskan. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Diinsuranskan meninggal dunia sebelum ulang tahun pertama TPD, Kami akan membayar baki Manfaat TPD tersebut kepada mana-mana orang yang layak.
2. Baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai, jika ada, selepas membayar Manfaat Penyakit Membawa Maut akan berkurangan secara bulanan seperti yang ditentukan oleh Syarikat. Baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai akan dibayar, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam seksyen ini, sekiranya Ahli Yang Diinsuranskan yang mengalami Penyakit Membawa Maut kemudiannya mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Tarikh Tamat Tempoh semasa Sijil Insurans berkenaan masih berkuatkuasa. Baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai bermaksud baki jumlah selepas menolak jumlah yang dibayar dan/atau yang akan dibayar untuk Penyakit Membawa Maut daripada Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai.
3. Selepas menghantar notis untuk tuntutan, Ahli Yang Diinsuranskan mestilah menjalani pemeriksaan perubatan oleh seorang Pakar Perubatan yang dilantik oleh Syarikat apabila diminta oleh Syarikat. Untuk menilai tuntutan, Ahli Yang Diinsuranskan mungkin tertakluk kepada lebih dari satu pemeriksaan perubatan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan yang kami lantik. Bayaran Manfaat TPD (atau mana-mana bakinya) adalah tertakluk kepada bukti ketidakupayaan Ahli Yang Diinsuranskan yang berterusan. Sekiranya bukti tersebut tidak diberikan atau sekiranya Ahli Yang Diinsuranskan enggan atau gagal menjalani mana-mana pemeriksaan perubatan apabila perlu, Ahli Yang Diinsuranskan tersebut akan dianggap berhenti serta-merta daripada mengalami keadaan TPD yang berterusan, dan tidak akan ada sebarang bayaran lanjut atau baki Manfaat TPD ini.

Seksyen D – Manfaat Penyakit Membawa Maut

1. Jika Ahli Yang Diinsuranskan yang telah diterima untuk perlindungan Manfaat Penyakit Membawa Maut, mengalami Penyakit Membawa Maut semasa diinsuranskan, Syarikat akan, dalam hayat Ahli Yang Diinsuranskan dan tertakluk kepada peruntukan dalam Polisi, membayar secara sekali gus Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai atau baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai atau Jumlah Diinsuranskan untuk Penyakit Membawa Maut yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Insurans, yang mana amaun lebih rendah dalam bulan di mana Ahli Yang Diinsuranskan mengalami Penyakit Membawa Maut, dengan memberikan bukti kepada Syarikat. Kami mesti menerima bukti yang Kami perlukan untuk menilai tuntutan itu semasa dia masih hidup. Ahli Yang Diinsuranskan harus membayar sebarang kos yang terlibat.
2. Manfaat Penyakit Membawa Maut tidak terpakai atau tidak dibayar sekiranya simptom Penyakit Membawa Maut wujud sebelum atau dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh Masuk.
3. Mana-mana Pakar Perubatan yang Kami lantik mestilah dibenarkan untuk memeriksa Ahli Yang Diinsuranskan dan menjalankan apa-apa ujian yang Kami perlukan sebagai sebahagian daripada penilaian tuntutan. Sekiranya Ahli Yang Diinsuranskan gagal atau enggan untuk menjalani pemeriksaan atau ujian, Kami boleh menolak untuk membayar tuntutan tersebut.
4. Jumlah maksimum yang Syarikat akan bayar untuk Manfaat Penyakit Membawa Maut dan Manfaat Membawa Maut Yang Lain adalah Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000.00). Syarikat tidak akan membayar apa-apa manfaat di bawah seksyen ini di mana Manfaat Penyakit Membawa Maut Yang Lain telah mencapai atau melebihi RM2 juta.
5. Baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai, jika ada, selepas membayar Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akan berkurangan secara bulanan seperti yang ditentukan oleh Syarikat. Baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai akan dibayar, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam seksyen ini, sekiranya Ahli Yang Diinsuranskan yang mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal kemudiannya mengalami Penyakit Membawa Maut semasa Sijil Insurans ini masih berkuatkuasa. Baki Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai bermaksud baki jumlah selepas menolak jumlah yang dibayar dan/atau yang akan dibayar untuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal daripada Jumlah Diinsuranskan Yang Diguna Pakai.

Seksyen E – Pengecualian

1. Manfaat Kematian dalam Seksyen B adalah jumlah bersamaan dengan jumlah premium yang dibayar berkenaan dengan Ahli Yang Diinsuranskan tanpa faedah sahaja bagi kematian Ahli Yang Diinsuranskan yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan:
 - (a) bunuh diri sama ada secara cubaan atau disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
 - (b) sebarang Keadaan Sedia Ada dalam tempoh satu tahun dari Tarikh Masuk.
2. Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal dalam Seksyen C tidak akan dibayar berkenaan dengan mana-mana keadaan/penyakit/kecederaan/peristiwa yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan:
 - (a) sebarang cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan, sama ada cubaan atau sengaja dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
 - (b) terlibat dalam penerbangan udara selain daripada sebagai juruterbang atau anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat penumpang komersil berlesen yang beroperasi melalui laluan yang dijadualkan saja;
 - (c) sebarang penyertaan dalam aktiviti sukan udara seperti peluncuran gantung, menaiki belon terbang, terjun dengan payung terjun, terjun udara, terjun bungee dan aktiviti lain seumpamanya; atau
 - (d) sebarang Keadaan Sedia Ada.
3. Manfaat Penyakit Membawa Maut dalam Seksyen D tidak akan dibayar berkenaan dengan mana-mana Penyakit Membawa Maut yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
 - (a) cubaan bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan oleh Ahli Yang Diinsuranskan semasa siuman atau tidak siuman;
 - (b) ketagihan alkohol, pengambilan alkohol, narkotik atau dadah melainkan diambil seperti yang dipreskripsikan oleh seorang Pakar Perubatan;
 - (c) kecelaruan mental, termasuk dan tidak terhad kepada Anoroxia Nervosa, Keresahan, Kemurungan, Mania, Neurosis, Paranoia, Psikosis dan Skizofrenia; atau
 - (d) sebarang Keadaan Sedia Ada.

Seksyen F – Pemeriksaan

1. Sebagai sebahagian daripada penilaian tuntutan, Kami mungkin memerlukan:
 - (a) Ahli Yang Diinsuranskan untuk menjalani pemeriksaan yang dilakukan oleh Pakar Perubatan yang Kami lantik;
 - (b) Ahli Yang Diinsuranskan menjalani lebih dari satu pemeriksaan yang dilakukan oleh Pakar Perubatan yang Kami lantik;
 - (c) pemeriksaan yang termasuk ujian darah atau ujian lain.
2. Sekiranya Ahli Yang Diinsuranskan gagal menjalani pemeriksaan yang Kami minta, Kami akan menolak tuntutan tersebut.

Seksyen G – Bayaran

1. Apa-apa wang yang dibayar di bawah Polisi harus digunakan untuk membayar sebarang amaun yang Ahli Yang Diinsuranskan hutang kepada Pemegang Polisi Induk. Wang berbayar yang terlebih daripada hutang atau wang berbayar di mana tiada hutang kepada Pemegang Polisi Induk akan dibayar kepada Ahli Yang Diinsuranskan sekiranya dia masih hidup, jika tidak, kepada orang yang layak menerimanya.

Seksyen H – Nilai Serahan

1. Pemegang Polisi Induk boleh menyerahkan perlindungan insurans berkenaan dengan mana-mana Ahli Yang Diinsuranskan mengikut Polisi sebelum Tarikh Tamat Tempoh yang dinyatakan dalam Sijil Insurans dengan memberi arahan bertulis kepada Syarikat dan mengembalikan Sijil Insurans asal tersebut kepada Syarikat.
2. Tat kala penyerahan bagi mana-mana perlindungan insurans mengikut Polisi, Syarikat akan membayar nilai serahan selepas menolak sebarang amaun yang Ahli Yang Diinsuranskan hutang.

BAHAGIAN IV – PERUNTUKAN TENTANG PREMIUM

Seksyen A – Bayaran Premium

Premium tunggal adalah dibayar oleh Ahli Yang Diinsuranskan kepada Kami, di mana Pemegang Polisi Induk harus mengutip premium daripada Ahli Yang Diinsuranskan dan kemudiannya membayar jumlah premium yang dikutip kepada Kami.

BAHAGIAN V – PERUNTUKAN AM

Seksyen A – Kontrak

1. Semua pernyataan yang dibuat oleh Pemegang Polisi Induk, atau oleh Ahli Yang Diinsuranskan akan dalam keadaan tiada penipuan, dianggap sebagai representasi dan bukan jaminan. Tiada pernyataan akan digunakan oleh Syarikat untuk membatalkan Sijil Insurans, Polisi atau sebagai pebelaan terhadap tuntutan di bawah Polisi, melainkan ia dibuat secara bertulis menurut permohonan untuk Polisi.
2. Hak-hak Pemegang Polisi Induk atau Ahli Yang Diinsuranskan atau mana-mana benefisiari di bawah Polisi tidak akan terjejas oleh apa-apa peruntukan kecuali peruntukan yang terkandung dalam Polisi.
3. Tiada orang kecuali kakitangan yang diberi kuasa oleh Syarikat mempunyai hak kuasa untuk mengubah atau meminda Polisi, untuk menerima premium yang tertunggak atau memanjangkan tempoh bagi pembayaran premium, mengetepikan mana-mana notis atau bukti tuntutan yang diperlukan oleh Polisi, atau untuk memanjangkan tarikh yang mana notis atau bukti tersebut mesti diberikan. Tiada perubahan dalam Polisi akan menjadi sah kecuali jika ia diluluskan oleh Syarikat dan Pemegang Polisi Induk dan dibuktikan oleh endorsemen, atau pindaan yang ditandatangani oleh Syarikat dan Pemegang Polisi Induk.
4. Tiada pihak boleh menyerahhak, memindahkan atau menggadai semua atau mana-mana hak atau kewajipan di bawah Polisi tanpa persetujuan bertulis daripada pihak yang satu lagi.
5. Syarikat boleh mengubah atau meminda peruntukan dalam Polisi dengan memberi notis bertulis kepada Pemegang Polisi Induk, jika perubahan atau permindaan tersebut diwajibkan atau diperlukan oleh sebab mana-mana undang-undang atau peraturan atau oleh mana-mana penguasa kawal selia atau badan kawal selia.

Seksyen B – Sijil Insurans

1. Syarikat akan mengeluarkan dan menghantarkan Sijil Insurans individu kepada setiap Ahli Yang Diinsuranskan untuk mengesahkan bahawa orang yang berkenaan tersebut telah menjadi seorang Ahli Yang Diinsuranskan di bawah Polisi.
2. Jika terdapat percanggahan antara peruntukan dalam Polisi Induk (merujuk kepada Polisi Asas antara Pemegang Polisi Induk dengan Kami, termasuk sebarang rider, adendum, endorsemen, pindaan yang ditandatangani oleh Syarikat) dengan Sijil Insurans, peruntukan dalam Polisi Induk akan diguna pakai.

Seksyen C – Salah Nyataan

Jika umur atau tarikh lahir Ahli Yang Diinsuranskan didapati telah disalah nyatakan, Kami akan menggunakan umur sebenar apabila menentukan manfaat yang sepatutnya diberikan dan membuat pelarasan yang sewajarnya pada premium atau manfaat.

Seksyen D – Undang-Undang Yang Diguna Pakai

Polisi, dan semua hak, tanggungjawab dan liabiliti yang dinyatakan di bawah Polisi ini, akan dibaca dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan selaras dengan undang-undang negara di mana Polisi dikeluarkan.

Seksyen E - Prosiding Guaman

Tindakan undang-undang atau ekuiti akan diambil untuk memulihkan Polisi selepas tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti tuntutan secara bertulis telah difailkan selaras dengan keperluan dalam Polisi.

Seksyen F – Tidak Boleh Disangkal

Sijil Insurans tidak boleh disangkal kecuali apabila terdapat penipuan, selepas ia telah berkuatkuasa selama dua (2) tahun dalam hayat Ahli Yang Diinsuranskan dari Tarikh Masuk.

Seksyen G – Memfail Tuntutan dan Bukti Kehilangan

Sebelum Syarikat membuat bayaran untuk mana-mana manfaat, bukti yang mengenai sebarang tuntutan mestilah diberikan kepada Syarikat di Ibu Pejabatnya dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal atau tarikh diagnosis menghidap Penyakit Membawa Maut.

Seksyen H – Penamatan Polisi

Polisi boleh ditamatkan sama ada oleh Pemegang Polisi Induk atau Syarikat dengan memberi notis bertulis yang tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada pihak satu lagi sebelum penamatan tersebut menjadi efektif.

Sekiranya terdapat penamatan, perlindungan insurans bagi Ahli Yang Diinsuranskan di bawah Sijil Insurans akan berterusan sehingga tarikh tamat bagi tempoh untuk premium yang dibayar berkenaan dengan insuransnya. Penamatan ini tidak akan menjejaskan mana-mana tuntutan di mana tuntutan tersebut berlaku sebelum penamatan ini berkuatkuasa.

Seksyen I – Polisi Tanpa Penyertaan

Polisi tidak berhak menerima sebarang pengagihan keuntungan Syarikat.

Seksyen J – Tempoh Rujukan Percuma

Ahli Yang Diinsuranskan diberi Tempoh Rujukan Percuma sebanyak tiga puluh (30) hari atau tempoh yang lebih panjang seperti yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia selepas tarikh Sijil Insurans dihantarkan untuk mengkaji Sijil Insurans. Jika Ahli Yang Diinsuranskan berputus untuk membatalkan perlindungan di bawah Sijil Insurans, Ahli Yang Diinsuranskan mestilah memaklum kepada Pemegang Polisi Induk dan mengembalikan Sijil Insurans tersebut kepada Syarikat dalam Tempoh Rujukan Percuma. Syarikat harus membayar balik premium yang dibayar selepas menolak sebarang kos perubatan yang telah Syarikat bayar atau bersetuju untuk bayar berkenaan dengan pemeriksaan perubatan Ahli Yang Diinsuranskan. Bayaran balik ini harus dibayar kepada Ahli Yang Diinsuranskan sekiranya Premium tidak dibiayai oleh Pemegang Polisi Induk. Walau bagaimanapun, jika Premium tersebut dibiayai oleh Pemegang Polisi Induk, bayaran balik ini harus dibayar kepada Pemegang Polisi Induk.

Seksyen K – Bukti Umur

Bukti umur perlu dikemukakan sebelum bayaran tuntutan. Sijil Insurans akan menyatakan bahawa umur Ahli Yang Diinsuranskan telah diakui atau tidak. Jika ia belum diakui, Ahli Yang Diinsuranskan perlu menghantar sesalinan kad pengenalan atau sijil lahirnya kepada Kami untuk rekod Kami dengan segera.

Seksyen L – Pertukaran Alamat dan sebarang Maklumat Peribadi Lain

Adalah penting bahawa Ahli Yang Diinsuranskan memaklum kepada Kami alamat surat-menyurat, alamat e-mel dan maklumat hubungan lain Ahli Yang Diinsuranskan serta alamat penama dan pemegang amanah (jika ada) yang terkini supaya Kami boleh memberitahu Ahli Yang Diinsuranskan sebarang maklumat yang penting.

Seksyen M – Cukai

1. Cukai boleh dikenakan atau dinaikkan, pada bila-bila masa ke atas premium, caj atau bayaran lain yang dikenakan terhadap Ahli Yang Diinsuranskan untuk Sijil Insurans ini. Sekiranya begitu, Ahli Yang Diinsuranskan hendaklah membayar Cukai berkenaan mengikut kadar semasa yang tersedia.
2. Dalam Sijil Insurans ini, Cukai bermaksud:
 - (a) cukai barangan dan perkhidmatan;
 - (b) nilai tambahan cukai
 - (c) cukai penggunaan; atau
 - (d) sebarang cukai, duti bayaran atau penguatkuasaan lain yang berkaitan;

yang boleh dikenakan atau dicaj di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan, atau kaedah-kaedah serta panduan-panduan yang lain daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

Seksyen N - Salah Nyataan / Penipuan

1. Jika jawapan, penyertaan, atau maklumat yang dibekalkan oleh Pemegang Polisi Induk atau Ahli Yang Diinsuranskan sebelum Sijil Insurans dibuat, diubah atau diperbaharui didapati palsu, salah nyataan atau mengelirukan, atau jika Pemegang Polisi Induk atau Ahli Yang Diinsuranskan gagal membekalkan maklumat seperti yang diperlukan, Kami mempunyai hak untuk membatalkan Sijil Insurans atau melaksanakan sebarang hak yang Kami pegang seperti yang dinyatakan dalam Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau sebarang undang-undang yang menggantikan Akta ini.
2. Sekiranya sebarang tuntutan yang dibuat oleh Pemegang Polisi Induk atau Ahli Yang Diinsuranskan adalah bersifat penipuan atau dibesar-besarkan, atau sebarang pengakuan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan ini, Kami mempunyai hak untuk membatalkan Polisi atau Sijil Insurans Ahli Yang Diinsuranskan (yang mana berkenaan).

Seksyen O – Notis-notis

1. Semua notis mesti dibuat secara bertulis dan akan dianggap sebagai disampaikan kepada Ahli Yang Diinsuranskan jika ia dihantarkan atau dihantar atau ditinggalkan di alamat terakhir Ahli Yang Diinsuranskan atau mana-mana alamat yang Ahli Yang Diinsuranskan berikan kepada Kami secara bertulis. Mana-mana notis yang dihantar melalui pos, akan dianggap sebagai notis bertulis dan diterima tiga (3) hari selepas ia diposkan.
2. Kami boleh memberi Pemegang Polisi Induk atau Ahli Yang Diinsuranskan notis melalui faks, e-mel, pesanan teks atau kaedah elektronik. Kami juga boleh berikan Pemegang Polisi Induk atau Ahli Yang Diinsuranskan notis melalui kaedah yang lain, jika Kami anggap keadaannya adalah bersesuaian selepas mempertimbangkan perkembangan pasaran atas kaedah tersebut. Sebarang notis yang dihantar melalui faks akan dianggap sebagai notis bertulis dan disampaikan apabila Kami menerima pengesahan transmisi. Jika notis dihantar melalui e-mel atau pesanan teks atau kaedah elektronik atau mana-mana kaedah lain, ia akan dianggap sebagai notis bertulis dan disampaikan pada hari perniagaan berikutnya selepas penghantaran.
3. Semua notis dan/atau tuntutan mesti disampaikan kepada Kami secara bertulis. Ia hanya akan dianggap sebagai disampaikan jika ia disampaikan sendiri, atau disampaikan melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada Ibu Pejabat Kami, atau ia telah disampaikan kepada Kami, dan Kami telah sebenarnya menerimanya. Rujukan kepada Nombor Polisi Induk dan Nombor Sijil Insurans dalam Sijil Insurans mestilah ditulis dalam sebarang notis dan/atau tuntutan untuk ia menjadi sah.

Seksyen P- Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram

1. Tanpa menghiraukan apa yang mungkin Kami nyatakan dalam Polisi ini, (i) jika Kami mendapat tahu, atau dimaklumkan bahawa Pemegang Polisi Induk, Ahli yang Diinsuranskan, atau mana-mana pemilik benefisial yang dinamakan di peringkat pemohonan insurans, penama, benefisiari, mana-mana individu atau entiti yang dikaitkan dengan Polisi ini, disenaraikan dalam mana-mana senarai Sanksi, atau diancam untuk disenaraikan dalam mana-mana senarai Sanski, atau (ii) jika Kami atau mana-mana bank atau mana-mana pihak ketiga berkenaan mungkin didapati melanggar kewajipan di bawah Sanski akibat pengambilan apa-apa tindakan di bawah Polisi ini, maka Kami boleh:
 - (a) menamatkan Polisi ini dengan serta-merta dengan memberi notis atau tanpa memberi notis kepada Pemegang Polisi Induk dan Ahli yang Diinsuranskan; dan / atau

- (b) mengambil apa-apa tindakan yang Kami anggap berpadanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada memaklumkan pihak kerajaan berkuasa yang berkaitan, menahan apa-apa pembayaran, membekukan apa-apa wang yang dibayar kepada Kami, dan menyerahkan apa-apa pembayaran atau wang kepada pihak kerajaan berkuasa yang berkaitan.
2. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian dalam apa jua keadaan yang Pemegang Polisi Induk, Ahli yang Diinsuranskan, atau sesiapa sahaja yang mungkin dapat sebagai akibat Kami mengambil sebarang langkah menurut seksyen ini. Seksyen ini, dan keberhakan Kami untuk menuntut sebarang kerugian yang Kami dapat berikutan dengan operasi seksyen ini, akan tetap berkuatkuasa walaupun selepas Polisi ini ditamatkan.

Bagi tujuan seksyen ini, “Sanksi” bermaksud:

langkah sekatan yang dijatuhkan terhadap suatu rejim, negara-negara, kerajaan-kerajaan, entiti-entiti, individu-individu dan industri yang menjadi target, oleh badan antarabangsa atau kerajaan di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury, Bangsa-bangsa Bersatu, Kesatuan Europah, Office of Foreign Assets Control bagi Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat, dan Kementerian Dalam Negari di Malaysia

**Seksyen Q – Notis kepada Ahli-ahli Yang Diinsuranskan
(Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan dan Perkhidmatan Pelanggan)**

1. **Perkhidmatan Pelanggan**
Kami berkomited untuk membekalkan servis berkualiti kepada semua pelanggan Kami. Sila menghubungi Wakil Perkhidmatan Pelanggan Kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan Polisi. Anda boleh menghubungi Kami melalui telefon di 03-2771 0228 pada waktu pejabat, 8.30am - 5.15pm; Isnin sehingga Jumaat.
2. **Kesedaran Pengguna**
BNMLINK dan BNMTELELINK membekalkan perkhidmatan pelanggan untuk pertanyaan umum dan aduan awam dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan sector kewangan. Selain itu, ia juga membekalkan maklumat mengenai aspek pengawalseliaan produk insurans dan servis. BNMLINK and BNMTELELINK boleh dihubungi dalam alamat berikut:

BNMLINK

(Pusat Khidmat Pelanggan Jumpa Terus)
Tingkat Bawah, Blok D,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Waktu Beroperasi: 9.00pagi-5.00petang (Isnin-Jumaat)

BNMTELELINK

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

3. **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan**
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan adalah ditubuhkan untuk menawarkan perlindungan pengguna kepada pemegang polisi, dan menyelesaikan pertikaian berhubung penyelesaian tuntutan di antara syarikat insurans dan pengguna/pemegang polisi. Mana-mana pemegang polisi yang tidak berpuas hati dengan keputusan syarikat insurans boleh menulis kepada ombudsman di alamat berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan

(Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)
No Syarikat: 200401025885
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Talian Am: +603-2272 2811

Laman Web: www.fmos.org.my

4. Jabatan LINK & Pejabat Wilayah
Jabatan LINK & Pejabat Wilayah di Bank Negara Malaysia mengawasi dan memantau pengaduan dan pertanyaan am mengenai insurans dan yang berkaitan dengan insurans. Jabatan LINK & Pejabat Wilayah boleh dihubungi di alamat berikut:

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Tingkat 13C
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8044
Faks: 03-2693 4051